

HASIL

KUTIPAN CUKAI
LANGSUNG
TERTINGGI
DALAM
SEJARAH
+
PENGIKTIRAFAN
YAB PMX

14 PENERIMA ANUGERAH
HASIL PLATINUM AWARDS

YBHG. DATUK HISHAM BIN RUSLI

TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (PEMATUHAN)

10 PENERIMA
ANUGERAH
PEMBAYAR
CUKAI
TERBAIK
2024

KANDUNGAN

IKON

YBhg. Datuk Hisham bin Rusli Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pematuhan)	4
--	---

HALA TUJU 2025

“Rise Beyond Limits” Gendang Perang HASiL tahun 2025	12
Cabaran dan Tekad HASiL	14

FOKUS CUKAI

Pelaksanaan Tax Corporate Governance	16
Hasilian Research Snapshot Factors Affecting Tax Audit Effectiveness: Evidence From Malaysia’s Salary Workers Group (SG) Tax Auditor	18

LIPUTAN PEMATUHAN

OP Kosmo	22
OP Metro 2.0	23
OP Dagang	24
OP Rejang	25
OP Tombak	26

TERKINI E-INVOIS

e-Invois: Solusi Digital Memudahkan Pengurusan Cukai PMKS	28
---	----

PENCAPAIAN 2024

Rekod Baharu Terus Dicipta, HASiL Terus Gemilang Di Persada	32
Pengiktirafan YAB Dato’ Sri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia	35

DI SEBALIK KEJAYAAN

Senarai Most Outstanding Hasilian	40
Senarai Penerima Anugerah Pembayar Cukai Terbaik 2024	41

KLINIK CUKAI

e-PCB Plus	42
------------	----

KEPIMPINAN & CABARAN

Bagaimana YBhg. Datuk mentakrifkan seorang pemimpin yang baik?

Amanah

Bagi saya, seorang pemimpin yang baik ialah individu yang memikul tanggungjawab dengan penuh amanah. Setiap keputusan yang diambil bukan semata-mata berlandaskan kepentingan individu atau kelompok tertentu, sebaliknya dibuat secara adil, saksama dan berteraskan prinsip integriti.

Pemimpin yang amanah sentiasa memastikan bahawa setiap individu dalam organisasi diberi peluang yang sama untuk berkembang dan berjaya. Mereka tidak memilih kasih atau bersikap berat sebelah, sebaliknya menilai berdasarkan kebolehan, usaha dan potensi.


Akhirnya, setiap keputusan yang diambil adalah demi memastikan manfaat kolektif, menjaga kepercayaan yang telah diberikan dan memacu organisasi ke arah kecemerlangan yang mampan.

Jujur

Pemimpin yang baik sentiasa berlaku jujur dan telus dalam setiap tindakan dan keputusan mereka. Kejujuran adalah asas utama dalam membina kepercayaan dan memastikan nilai integriti yang tinggi dalam apa jua corak kepimpinan.

Hubungan dengan pegawai bawahan

Pemimpin yang baik bukan sahaja bijak memberi arahan, tetapi juga mahir dalam membina hubungan yang



mesra dan profesional dengan pegawai bawahan. Mereka sentiasa terbuka untuk berkomunikasi, mendengar pandangan, serta memahami cabaran yang dihadapi oleh anggota pasukan. Hubungan yang baik ini bukan sahaja meningkatkan semangat kerja, malah mewujudkan suasana kerja yang harmoni, saling menghormati dan berteraskan kepercayaan.

Apakah nilai utama yang menjadi pegangan YBhg. Datuk sebagai seorang pemimpin?

Patuh pada masa

Salah satu nilai utama yang saya pegang teguh sebagai pemimpin ialah patuh pada masa. Seorang pemimpin yang baik sentiasa menghargai masa, baik masa sendiri mahupun masa orang lain. Memastikan setiap tugas dilaksanakan mengikut jadual bukan hanya mencerminkan kecekapan dan disiplin, tetapi juga menunjukkan tahap tanggungjawab yang tinggi.

Dalam masa yang sama, ia menjadi contoh teladan kepada warga kerja lain untuk turut mengamalkan budaya menghormati masa sebagai asas kepada peningkatan produktiviti dan pencapaian organisasi.

Sebagai pemimpin, saya percaya bahawa pengurusan masa yang berkesan adalah asas utama dalam mencapai kejayaan jangka panjang dan memastikan kelancaran operasi harian.

Disiplin dalam setiap aspek

Disiplin merupakan tunjang utama kejayaan seorang pemimpin. Dengan mengamalkan disiplin yang tinggi, seorang pemimpin mampu memastikan setiap aspek kerja dari peringkat perancangan, pelaksanaan hinggalah ke pemantauan dapat dilaksanakan dengan cekap, teratur

dan konsisten. Amalan ini bukan sahaja memperkukuh struktur kerja organisasi, malah membantu mewujudkan persekitaran kerja yang lebih produktif, efisien dan berorientasikan hasil.

Cabaran utama YBhg. Datuk hadapi semasa memegang jawatan sekarang?

Saya melihat cabaran utama dalam kepimpinan sekarang adalah menguruskan sumber manusia secara berkesan. Seorang pemimpin perlu memastikan setiap individu dalam organisasi dapat bekerja secara efektif dalam satu pasukan yang harmoni, di samping mengekalkan komunikasi yang terbuka dan berkesan. Ini bukan sahaja melibatkan usaha untuk mencapai matlamat organisasi, tetapi juga merangkumi tanggungjawab dalam menangani pelbagai personaliti, menggalakkan motivasi dalam kalangan warga kerja, mengurus konflik secara bijaksana, serta memastikan setiap individu diberi peluang yang adil untuk berkembang dan menyumbang secara optimum.

Apakah prinsip utama yang menjadi panduan buat YBhg. Datuk dalam membuat keputusan?

Prinsip utama yang menjadi panduan saya dalam membuat keputusan adalah sentiasa mengutamakan kepentingan organisasi. Setiap keputusan yang diambil mesti memberi impak positif terhadap kemajuan, kelestarian dan kesejahteraan keseluruhan organisasi. Saya percaya bahawa setiap tindakan perlu dinilai secara teliti, berdasarkan fakta, analisis yang mendalam serta mengambil kira kesan terhadap semua aspek termasuk sumber manusia, kewangan, operasi dan reputasi institusi.

Keputusan yang dibuat bukan hanya untuk menyelesaikan isu semasa, tetapi demi memastikan kesinambungan dan pencapaian visi jangka panjang organisasi.

Satu keputusan sukar yang pernah YBhg. Datuk buat dan kesannya kepada organisasi?

Salah satu keputusan sukar yang pernah saya ambil adalah mengubah struktur organisasi secara menyeluruh demi memastikan

kelancaran operasi dan pertumbuhan jangka panjang. Keputusan ini melibatkan langkah-langkah seperti penyusunan semula jabatan, pengoptimuman tenaga kerja, serta pelaksanaan sistem dan proses baharu yang lebih efisien.

Ia bukan keputusan yang mudah kerana melibatkan perubahan besar yang memberi kesan langsung kepada warga kerja. Namun, dengan pendekatan komunikasi yang telus, perancangan rapi dan sokongan berterusan, perubahan ini berjaya dilaksanakan dengan berkesan. Hasilnya, organisasi kini lebih responsif, tersusun dan bersedia untuk menghadapi cabaran masa hadapan dengan lebih yakin.

Kesannya kepada organisasi

Keputusan ini mungkin sukar kerana melibatkan perubahan besar, namun ia membawa kepada peningkatan kecekapan, pengurangan kos dan penambahbaikan prestasi keseluruhan organisasi. Ia juga telah meletakkan asas yang lebih kukuh untuk pertumbuhan mampan dan ketersediaan organisasi ini menghadapi cabaran masa hadapan.

Kesan positif ini bukan sahaja meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan, malah turut memperkukuh keyakinan warga kerja terhadap kepimpinan organisasi. Ia juga membuka ruang kepada inovasi, memperbaiki proses dan aliran kerja yang akhirnya membina persekitaran yang lebih dinamik serta berdaya saing.

Dalam tempoh jangka panjang, perubahan ini akan menyumbang kepada kestabilan organisasi, meningkatkan daya tahan terhadap cabaran, serta memperkukuh pencapaian matlamat strategik secara berterusan.



ASPIRASI & INSPIRASI

Apakah visi kepimpinan YBhg. Datuk dalam tempoh lima tahun akan datang?

Visi saya adalah untuk memperkasakan penggunaan teknologi bagi mengukuhkan lagi organisasi dan menjadikannya lebih efisien, inovatif dan bersedia untuk berkembang dalam dunia yang semakin berorientasikan digital.

Apakah strategi kolektif untuk memastikan organisasi mengekalkan standard dan etika yang tinggi?

"Teamwork dan trust your team"

Pemimpin tidak boleh bergerak secara bersendirian. Kejayaan sesebuah organisasi bergantung kepada kesatuan tenaga kerja yang saling menyokong, berkongsi nilai yang sama dan bergerak ke arah matlamat bersama. Untuk itu, setiap Hasilian dalam organisasi ini perlu diberi ruang untuk menyumbang, dihargai dan diyakini kebolehannya.

Apabila wujud kepercayaan dalam pasukan atau Keluarga HASiL, ia membentuk budaya kerja yang positif, telus dan berintegriti. Hasilian akan lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas, serta lebih berani menyuarakan pandangan dan menegur secara profesional apabila berlaku pelanggaran etika. Inilah asas kepada pembentukan organisasi yang beretika, berdaya saing dan berwibawa.

Bagaimana YBhg. Datuk memastikan diri terus bersemangat dalam mengharungi cabaran?

"Selama mana kita bekerja, selagi itu kita memegang amanah"

Saya percaya bahawa setiap tugas yang diamanahkan adalah tanggungjawab besar dan amanah ini memberi motivasi untuk terus berusaha walaupun menghadapi cabaran.

Petikan kata-kata yang menjadi sumber inspirasi sepanjang perjalanan kerjaya YBhg. Datuk?

"Be humble in eyes of God. In due return he will lift you up"

Hiduplah dengan rendah hati, mengakui kekuasaan dan bimbingan Tuhan. Sikap ini menjauhkan kita dari sifat sombong dan bongkak, sebaliknya mendekatkan kita kepada sifat jujur dan ikhlas. Apabila kita merendah diri dengan jujur, Tuhan akan mengangkat kita pada waktu yang tepat samada melalui kejayaan, ketenangan, kekuatan, atau peluang yang lebih baik. Ingatlah bahawa ganjaran dari Tuhan akan datang tepat pada waktunya, mengikut kehendak-Nya.

Sedikit aspirasi dan inspirasi buat pembaca

Sebagai sebahagian daripada Keluarga HASiL, kita memikul amanah besar dalam memastikan sistem percukaian negara dilaksanakan dengan adil, cekap dan berintegriti. Tugas ini bukan sahaja menuntut kepakaran dan komitmen, tetapi juga semangat yang tidak pernah luntur dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan negara.

Saya ingin menyeru agar kita semua terus bersemangat, berdaya tahan dan sentiasa mencari ruang untuk memperbaiki diri serta mutu perkhidmatan kita. Ingatlah, setiap usaha kecil yang kita lakukan, walaupun tidak kelihatan, pasti mempunyai impak besar dalam membina masa depan negara yang lebih stabil, makmur dan sejahtera.

Teruskanlah bekerja dengan penuh integriti, komitmen dan semangat yang tak luntur untuk memajukan HASiL dan negara tercinta. Dengan usaha yang gigih dan dedikasi, kita mampu meneruskan kecemerlangan, membentuk masa depan yang gemilang serta memberi inspirasi dan kekuatan kepada generasi akan datang.

SUDUT PANDANG



Pengurusan Kewangan

Pengurusan kewangan yang efektif adalah kunci dalam memastikan keberkesanan HASiL dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya. Dengan pengurusan kewangan yang teratur dan berintegriti, HASiL dapat terus berfungsi dengan efisien, memenuhi setiap aspirasi dan ekspektasi, memberi impak positif kepada ekonomi dan masyarakat, serta meningkatkan kepercayaan rakyat terhadap sistem percukaian negara.

Imej Dan Keterampilan Diri

Imej dan keterampilan diri sangat penting dalam menggalakkan pematuhan cukai di kalangan rakyat Malaysia. Sebagai pemimpin, apabila kita tampil dengan imej yang profesional dan berwibawa, ia memberi mesej yang jelas bahawa HASiL adalah sebuah organisasi yang komited, berintegriti dan boleh dipercayai.

Keterampilan diri yang baik, terutamanya dalam komunikasi dan pendekatan yang adil, sangat penting dalam membina hubungan yang positif dengan pembayar cukai dan meningkatkan kesedaran dan kewajipan cukai mereka.

Akhirnya, ia dapat menggalakkan tahap pematuhan yang lebih baik, meningkatkan kutipan cukai yang akan digunakan sepenuhnya dalam menjana pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kualiti hidup rakyat.

Media Sosial

Media sosial merupakan alat yang sangat berkesan untuk komunikasi dan pendidikan cukai. Jika dimanfaatkan dengan bijak, ia bukan sahaja membuka ruang untuk komunikasi dua hala, tetapi juga meningkatkan keberkesanan penyampaian maklumat serta merapatkan hubungan antara HASiL dan masyarakat.

HASiL perlu memastikan bahawa penggunaan media sosial dilakukan dengan profesionalisme, berintegriti dan penuh tanggungjawab. Dengan pendekatan yang betul dan strategi komunikasi yang berkesan, HASiL berupaya memastikan setiap mesej yang disampaikan adalah jelas, tepat dan mudah difahami. Ini bukan sahaja memberi manfaat maksimum kepada semua pihak yang terlibat, malah turut membantu meningkatkan tahap kesedaran dan pematuhan cukai dalam kalangan masyarakat secara menyeluruh.

Asal & Keluarga

- Lahir di Melaka
- Anak sulung daripada 7 adik beradik
- Dibesarkan di Kuala Lumpur oleh ibu saudara
- Ayah / Ibu adalah peneroka felda di Negeri Sembilan

Latar Belakang Pendidikan

- Diploma Perakaunan di ITM (1991 - 1993)
- Sarjana Muda Perakaunan dan Kewangan di University of Plymouth, United Kingdom (1995 - 1997)
- Sarjana Ekonomi Pengurusan di Open University Malaysia (2013-2014)

Pengalaman Di Luar LHDNM

- Syed Mubarak & Co
- Coopers & Lybrand

Perkhidmatan Di Jabatan / Bahagian / Cawangan Sejak Awal Kerjaya

- Cawangan Shah Alam (16/2/1998 - 14/10/1999)
- Cawangan Johor Bharu (15/10/1999 - 31/12/2005)
- Jabatan Pematuhan Cukai (1/1/2006 - 31/3/2009)
- Jabatan Cukai Multinasional (1/4/2009 - 31/3/2012)
Bahagian Perjanjian Harga Awal, JCM (31/3/2010 - 30/9/2011)
Bahagian Pematuhan & Pindahan Harga, JCM (1/10/2011 - 31/3/2012)
- Cawangan Keningau (1/4/2012 - 31/5/2015)
- Cawangan Melaka (1/6/2015 - 31/5/2018)
- Cawangan Pembayar Cukai Besar (1/6/2018 - 14/2/2019)
- Cawangan Cukai Multinational (15/2/2019 - 14/11/2021)
- Jabatan Operasi Cukai (15/11/2021 - 28/2/2023)
- Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) (1/3/2023 - 14/3/2024)
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pematuhan) (15/3/2024 - kini)

SANTAI SEMINIT



Hobi di masa senggang?

Menonton filem / membaca

Filem kegemaran?

Action movies

Warna pilihan?

Biru

Kopi atau Teh?

Kopi

Bersukan atau berkebun?

Suka berkebun tetapi kekangan masa

Tahniah

**LEMBAGA HASIL
DALAM NEGERI
MALAYSIA**



“CASHLESS BOLEH 4.0”

Setinggi-Tinggi Tahniah

(JABATAN PUNGUTAN HASIL)

ANUGERAH

**KATEGORI A : PRESTASI PENGGUNAAN
PEMBAYARAN DIGITAL CEMERLANG**

(BAGI KEMPEN PEMBAYARAN TANPA TUNAI DAN CEK
PERINGKAT NASIONAL SIRI KE-5)

ANJURAN

PAYNET

.....

15 JANUARI 2025

Tahniah

The Institute of
Internal Auditors

**LEMBAGA HASIL
DALAM NEGERI
MALAYSIA**

Certificate
OF RECOGNITION

This certificate is proudly presented to

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Tier 2

Category 2 - Corporate Member Crystal Jubilee Award

Loyal Corporate Member 15-years record of being a corporate member i

The Institute of
Internal Auditors
Malaysia

Corporate Member Crystal
Jubilee Award

Loyal Corporate Member with a
minimum 15-years continuous
membership

LEMBAGA HASIL DALAM
NEGERI MALAYSIA
TIER 2

LHDN
MALAYSIA

2nd December 2024

CRYSTAL JUBILEE AWARD

Setinggi-Tinggi Tahniah

(JABATAN AUDIT DALAM)

ANUGERAH

**CORPORATE MEMBER CRYSTAL
JUBILEE AWARD**

**(LOYAL CORPORATE MEMBER WITH A MINIMUM 15 YEARS
CONTINUOUS MEMBERSHIP)**

ANJURAN

THE INSTITUTE OF INTERNAL AUDITORS MALAYSIA

2 DISEMBER 2024

RISE BEYOND LIMITS - Gendang Perang HASiL Tahun 2025

Tahun 2025 pastinya membawa cabaran dan rintangan yang lebih besar, apatah lagi dalam persekitaran yang tidak menentu, bukan sahaja dalam ekosistem percukaian, tetapi juga dalam kitaran keseluruhan yang dipengaruhi oleh pelbagai aspek geopolitik, ekonomi dan sosial.

Harapan terus dibina, semangat terus diulang.

Justeru, tema "Rise Beyond Limits" menjadi laungan dan gendang perang kepada seluruh Keluarga HASiL untuk terus mara menggariskan tekad dan semangat juang mengatasi segala cabaran dan halangan. Ia mencerminkan komitmen HASiL untuk terus berkembang, menggandakan usaha dan mencipta kejayaan yang lebih gemilang pada masa hadapan.

"Rise" bukan sekadar simbol – ia mencerminkan kekuatan mental dan fizikal yang menjadi tunjang ketahanan Keluarga HASiL dalam mengharungi cabaran, mengatasi halangan dan bangkit menghadapi setiap situasi dengan penuh keyakinan.

Falsafah ini mendorong setiap Hasilian untuk mencapai kejayaan luar biasa, mendepani cabaran, melangkaui matlamat dan terus berusaha mencapai potensi tertinggi.

Tema ini mengajak Keluarga HASiL untuk berkerjasama sebagai satu pasukan, sentiasa mencabar diri untuk melangkaui had yang ada. Prinsip utamanya adalah menolak pemikiran yang membataskan dan terus berkembang dalam setiap aspek fizikal, mental, emosional dan spiritual.

Secara keseluruhannya, tema ini menggambarkan semangat untuk terus maju, dengan aspirasi tinggi dan tekad yang kukuh untuk meraih kejayaan. Ia mengajak Keluarga HASiL untuk berani keluar dari zon selesa dan mengembangkan potensi diri, melangkaui sempadan sedia ada demi kejayaan lebih gemilang.

RISE BEYOND LIMITS



TEKAD HASiL 2026 - 2030

DEMI NEGARA
UNTUK RAKYAT
OLEH HASILIAN

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

10 MAC 2025



CABARAN & TEKAD HASIL

Prospek Makro

Berdasarkan laporan Tinjauan Ekonomi 2025, ekonomi global dijangka terus kukuh pada tahun 2025 berikutan pertumbuhan stabil dalam kebanyakan sektor ekonomi utama.

Walaupun diasak dengan pelbagai cabaran dan tekanan, ekonomi Malaysia dijangka terus mencatatkan pertumbuhan yang positif. Dengan prestasi ekonomi yang memberangsangkan, pertumbuhan bagi tahun 2025 diunjur antara 4.5% hingga 5.5%.

Sektor perkhidmatan diunjur berkembang sebanyak 5.5%, dengan perdagangan borong dan runcit, kewangan dan insurans, serta hartanah dan perkhidmatan perniagaan sebagai penyumbang utama.

Sektor perdagangan borong dan runcit serta kewangan dan insurans pula dijangka berkembang sebanyak 4.7%. Manakala sektor hartanah dan perkhidmatan perniagaan diunjur meningkat sebanyak 6.3%, didorong oleh permintaan terhadap perkhidmatan profesional, terutamanya kejuruteraan dalam aktiviti pembinaan dan pembangunan pusat data baharu.

Sektor pembuatan diunjur berkembang kukuh sebanyak 4.5%, didorong oleh dasar utama seperti New Industrial Master Plan (NIMP) 2030 dan Strategi Semikonduktor Nasional. Sektor pertanian dijangka stabil dengan pertumbuhan 1.9%, kecuali subsektor perhutanan dan pembalakan. Sektor pembinaan pula dijangka berkembang sebanyak 9.4%, didorong oleh pelaksanaan projek infrastruktur strategik seperti LRT3 Fasa 2 dan Projek Sarawak-Sabah Link Road Fasa 2.

Sungguhpun begitu, sektor perlombongan dijangka menguncup 1% disebabkan prestasi lemah dalam subsektor utama. Subsektor gas asli dijangka merosot akibat pengeluaran yang lebih rendah, terutamanya disebabkan penutupan fasiliti di Sarawak untuk penyelenggaraan dan permintaan sederhana dari negara pengimport utama. Walaupun beberapa loji baharu akan beroperasi, keseluruhan output gas asli dijangka berada di bawah kapasiti 2024. Subsektor minyak mentah dan kondensat juga dijangka menguncup akibat penyelenggaraan berjadual pada separuh kedua 2025.

Harga minyak mentah Brent pula dijangka berada dalam julat purata USD75 hingga USD80 setong pada 2025.

Di selatan tanah air, pembangunan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) telah dimulakan, termasuk Zon Kewangan Khas Forest City.

Ekspektasi Kerajaan

Kerajaan dan Kementerian Kewangan meletakkan ekspektasi yang tinggi terhadap pencapaian hasil (outcome) samada dari aspek kutipan cukai langsung mahupun kecemerlangan dalam semua aspek pengurusan dan pengoperasian fungsi dan peranan organisasi.

Keyakinan pemegang taruh utama tentunya disandarkan kepada perancangan, pembangunan dan pelaksanaan sistem pengurusan serta pentadbiran cukai yang mantap dan konklusif, memastikan keberkesanan dan kecekapan dalam setiap aspek. Fokus utama ekspektasi adalah kepada:

- Meningkatkan jumlah kutipan cukai;
- Peningkatan kadar cukai berbanding KDNK negara;
- Meningkatkan pematuhan cukai di kalangan pembayar cukai; dan
- Mengurangkan jurang cukai di Malaysia.

Ekspektasi Anggota Lembaga LHDNM

HASiL komited memastikan ekspektasi Anggota Lembaga LHDNM berikut direalisasikan sebaik mungkin:

- Mengutip cukai sebanyak RM200.799 bilion;
- Menangani dan menguruskan akaun belum terima (ABT) dan amaun bayaran balik yang tinggi;
- Menguruskan sumber dengan cekap, mengamalkan dasar penjimatan serta mengelakkan pembaziran sumber; dan
- Mengoptimumkan sistem pentadbiran berteraskan tatakelola yang baik.

Komitmen HASiL 2025

Berdasarkan ekspektasi yang diletakkan oleh Kerajaan dan Anggota Lembaga LHDNM, HASiL komited untuk memastikan pelaksanaan menyeluruh inisiatif-inisiatif utama berikut:

- Memastikan kejayaan pelaksanaan e-Invois;
- Meningkatkan bilangan fail aktif yang bertujuan untuk memperluaskan /

membesarkan lagi asas cukai;

- Meningkatkan aktiviti penguatkuasaan yang merangkumi percukaian warga asing, *aggressive tax planning*, penyeludupan rokok haram;
- Meluaskan pelaksanaan *tax corporate governance*;
- Memastikan pelaksanaan *Global Minimum Tax* (GMT);
- Menambah baik penyampaian perkhidmatan;
- Memastikan pelaksanaan sistem taksir sendiri duti setem, CKHT dan LBATA; dan
- Menangani isu akaun belum terima dan bayaran balik yang tinggi.

Keutuhan integriti serta pengurusan tadbir urus yang baik merupakan dua elemen teras yang membentuk landasan kukuh kepada kestabilan, kemakmuran dan kelangsungan jangka panjang sesebuah organisasi.

Integriti merupakan teras utama yang memastikan setiap tindakan dilaksanakan dengan penuh kejujuran, bebas daripada rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Sementara itu, tadbir urus yang baik menjamin setiap keputusan dibuat secara adil, telus dan bertanggungjawab, demi mengekalkan kepercayaan dan kelestarian organisasi.

Justeru, HASiL juga tidak sesekali berkompromi dengan nilai integriti dan tatakelola yang dijunjung, sebaliknya terus komited memastikan setiap keputusan dan tindakan dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab, adil dan telus berdasarkan undang-undang demi kepentingan rakyat dan negara.

PELAKSANAAN TAX CORPORATE GOVERNANCE

Oleh **Norasshamelor binti Mohd Aziz**

Program *Tax Corporate Governance* atau ringkasnya disebut sebagai TCG adalah inisiatif kerjasama pematuhan (cooperative compliance) HASiL untuk mempraktikkan proses pematuhan cukai yang adil dan berkesan di Malaysia melalui fokus ke atas kecekapan dan keberkesanan tadbir urus percukaian dalam sesebuah organisasi. Program ini merupakan satu platform antara HASiL dan pembayar cukai untuk bekerjasama bagi menambah baik urusan pematuhan cukai korporat sesebuah organisasi berdasarkan prinsip kepercayaan, kerjasama dan ketelusan antara kedua pihak. Pelaksanaan program ini memberikan fokus ke atas penilaian Sistem Tadbir Urus Percukaian yang berkesan bagi memastikan organisasi dapat mengenal pasti, merekod dan mengawal risiko percukaian serta menguruskan hal ehwal percukaian dengan beretika mengikut undang-undang percukaian.

HASiL juga telah menyediakan rujukan kepada pembayar cukai tentang pelaksanaan prinsip dan tatacara pengurusan risiko percukaian menerusi **Rangka Kerja Tadbir Urus Percukaian Korporat** atau dikenali sebagai **Tax Corporate Governance Framework (TCGF)**. Program TCG ini dilaksanakan menerusi dua fasa. Fasa pertama melibatkan projek rintis bermula 1 Jun 2022 hingga 30 Jun 2024 dan sebanyak sebelas (11) penyertaan rasmi telah diterima sepanjang tempoh tersebut, dengan 7 daripadanya telah pun selesai menjalani proses semakan serta disahkan penyertaannya. Manakala fasa kedua telah bermula pada 1 Julai 2024 di mana penyertaan program adalah terbuka kepada pembayar cukai yang memenuhi kriteria program.

Kriteria Bagi Menyertai Program *Tax Corporate Governance*

Program TCG ini disediakan untuk semua jenis perniagaan sama ada kecil atau besar di mana ianya memberi keutamaan kepada isu tadbir urus korporat. Organisasi yang berminat perlu mematuhi syarat-syarat kelayakan seperti yang berikut:

- Syarikat dengan perolehan RM100 juta dan ke atas;
- Syarikat yang mempunyai rekod pematuhan cukai yang baik berdasarkan pematuhan pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP), bayaran ansuran CP204 dan bayaran baki cukai; serta
- Syarikat yang mempunyai Rangka Kerja Kawalan Cukai yang efektif dan berkesan.

Buat masa ini, penyertaan TCG adalah digalakkan kepada organisasi yang:

- Mempunyai struktur dan model perniagaan sederhana hingga kompleks;
- Terlibat dalam transaksi yang banyak;
- Memberi penekanan kepada pengurusan risiko cukai sebagai sebahagian daripada tadbir urus korporat mereka;
- Bergantung kepada sistem dan proses menjana data yang tepat bagi sesebuah organisasi untuk tujuan pelaporan kewangan dan cukai; dan
- Memupuk ketelusan dan keterbukaan berurusan dengan HASiL.

Pelabur pada hari ini semakin memandang serius bagaimana organisasi perniagaan menguruskan dan melaporkan cukai mereka. Sehubungan itu, syarikat tersenarai atau *Public Listed Companies* (PLSs) yang berkelayakan amat digalakkan untuk menyertai program ini. Sebagai makluman, tiada sebarang yuran dikenakan jika ada organisasi yang berminat untuk menyertai program ini.

Proses Pelaksanaan Program Tax Corporate Governance

Bagi proses pertama, organisasi perlu bersiap sedia untuk:

- Memenuhi prasyarat kriteria penyertaan program;
- Membuat penilaian awal rangka kerja tadbir urus percukaian korporat organisasi secara sendiri;
- Menghantar borang penyertaan (notis penerimaan dalam tempoh 14 hari dari tarikh penyerahan borang penyertaan) kepada HASiL.

Proses kedua akan melibatkan semakan oleh penyemak bebas yang dilantik sendiri oleh organisasi yang menyertai Program TCG. Fungsi penyemak bebas ini adalah untuk menilai semakan ke atas TCGF. Penyemak bebas boleh dilantik dalam kalangan entiti perakaunan awam atau pasukan audit dalaman yang bebas daripada fungsi perakaunan dan percukaian. Sebagai syarat, ahli pasukan masing-masing perlu terdiri daripada pengamal cukai yang bertauliah.

Proses ketiga adalah dengan mengemukakan laporan penilaian semakan sendiri dan laporan penemuan yang disediakan oleh penyemak bebas kepada HASiL dalam tempoh enam bulan dari tarikh kelulusan penyertaan.

Seterusnya, Proses keempat adalah penilaian oleh HASiL. Pihak HASiL akan menyemak dokumen yang dikemukakan dan menjalankan libat urus bersama dengan organisasi bagi memahami dan menilai tahap kematangan tadbir urus percukaian organisasi. Proses semakan akan dilaksanakan secara dua fasa semakan iaitu semakan kecukupan dan semakan keberkesanan. Penilaian oleh HASiL ini akan dilakukan dalam tempoh enam bulan dari tarikh pengemukaan.

Proses kelima adalah menunggu keputusan penilaian oleh HASiL. Setelah keputusan dibuat, organisasi terlibat akan menerima pensijilan status penyertaan program. Kelima-lima proses ini keseluruhannya akan mengambil

masa antara lapan hingga dua belas bulan dan keberangkalian untuk pelanjutan tempoh masa tertakluk kepada kelulusan HASiL. Tempoh sah laku status lulus bagi organisasi terlibat adalah selama tiga tahun.

Manfaat Program Tax Corporate Governance

Organisasi yang menyertai program ini akan dapat menikmati manfaat-manfaat penyertaan seperti:

- Mengurangkan penelitian terhadap aktiviti pematuhan yang mana tiada tindakan audit dan penyiasatan akan dimulakan oleh HASiL bagi tempoh 3 tahun sebaik sahaja penyertaan syarikat disahkan dalam program TCG;
- Mempercepat proses pembayaran balik cukai untuk peserta yang patuh dengan syarat tiada anomali atau perbezaan dicatatkan. Pembayaran itu juga tertakluk kepada kelulusan pengurusan HASiL;
- Pelantikan pegawai cukai khas untuk membantu mengendalikan urusan cukai organisasi yang terlibat. Pegawai cukai yang dilantik akan menjadi pegawai perantara antara pembayar cukai dengan HASiL. Hal ini dapat memudahkan capaian komunikasi dengan HASiL dalam menangani sebarang isu teknikal; dan
- Organisasi yang patuh juga layak diberikan pertimbangan keutamaan bagi ketetapan awal isu teknikal.

Melalui pelaksanaan program TCG, jalinan kerjasama pihak HASiL dengan pembayar cukai dapat ditingkatkan menerusi persefahaman antara kedua pihak. Usaha ini akan meningkatkan kepercayaan pihak berkepentingan terhadap organisasi berdasarkan sistem kawalan dalaman dan budaya tadbir urus yang mampan.

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut berhubung penyertaan program TCG serta maklumat-maklumat lain yang berkaitan boleh dikemukakan menerusi e-mel ke tcg@hasil.gov.my.



HASILIAN RESEARCH SNAPSHOT

FACTORS AFFECTING TAX AUDIT EFFECTIVENESS: EVIDENCE FROM MALAYSIA'S SALARY WORKERS GROUP (SG) TAX AUDITOR

By Noradila binti Abu Zarin

ABSTRACT

Research Background

- Tax revenue collection is essential since it contributes to the development of a country (Hyman, 2011).
- Tax revenue significantly contributes to government spending (Accountant General's Department of Malaysia, 2021).
- Malaysia's Federal Government Financial Statement 2021 stated tax revenue contributes 74.31% of the total government's revenue for 2021, an increase of 12.5% from the year ended 2020.
- Malaysia has moved to the self-assessment system (SAS) since 2001 thus tax evasion and avoidance detection are carried out to prevent any potential loss of tax revenue through tax audits in to order verify the accuracy and compliance of taxpayers' tax returns. In addition, research has shown that if an audit detects taxpayer-undisclosed income, it will increase taxpayer compliance (Umar et al., 2019; Kasper & Alm, 2021).
- Most of prior studies has been done outside Malaysia determined that

certain factors such as adequacy of the tax audit unit, taxpayers' attitude, taxpayers' awareness, tax auditors' recommendations by management, organizational independence, and information technologies adoption will lead to the effectiveness of the tax audit (Nurebo et al., 2019; Zewdu, 2021; Elias Ayalew, 2014; Workneh and Bhupendra; Erlane et al., 2021).

- Prior studies have found that tax audit works as an effective tool for monitoring the self-assessment system (Wahyudin et al., 2022) even though tax administration policies vary from one country to another with every country especially in tax audit framework and Income Tax Act which act as a guideline for the tax auditor and taxpayers on their rights.

Therefore, to determine Tax Audit effectiveness in Malaysia from the perspective of Salary Worker Group (SG), the research applied quantitative method within four (4) variables such as (i) Tax Auditor Recommendation, (ii) Tax Audit Adequacy, (iii) Taxpayers' Attitude and (iv) Integrated Information System.

PROBLEM STATEMENT

- There has been an increase of tax audit cases settlement in numbers, but the amount of additional tax varies (Tax Operations Departments, IRBM).
- In 2018, 9,460,639 out of 15,998,589 taxpayers in Malaysia are SG taxpayers and represent 59.13% of total registered taxpayers.
- These interpret that SG taxpayers are the main component of taxpayer population in Malaysia but there are only 1,339,427 cases of settlements which represents 14.16% of the taxpayers' number.
- Study on tax audit settlements for five (5) year of assessment as follows:

YEAR OF ASSESSMENT	NUMBER OF SETTLEMENT	TOTAL ADDITIONAL TAX (RM)
2018	1,339,427	1,874,642,462
2019	1,334,680	2,152,215,990
2020	1,346,364	2,038,722,646
2021	1,454,091	2,285,168,002
2022	1,590,313	1,562,023,137

- Tax audits are crucial for identifying taxpayers who avoid or evade taxes and inconsistent statistics between numbers of case settlement and additional tax would reflects on audit ineffectiveness.

RESEARCH QUESTION

- Do tax auditor recommendations positively influences the tax audit effectiveness in Malaysia?
- Does the tax audit unit adequacy positively influences the tax audit effectiveness in Malaysia?
- Does taxpayers' attitude positively influences the tax audit effectiveness in Malaysia?
- Do integrated information systems positively influences the tax audit effectiveness in Malaysia?


RESEARCH OBJECTIVE

- To determine the relationship between tax auditor recommendations towards tax

audit effectiveness in Malaysia

- To identify the relationship between tax audit unit adequacy towards tax audit effectiveness in Malaysia
- To investigate the taxpayers' attitude relationship towards tax audit effectiveness in Malaysia
- To investigate the integrated information system relationship towards tax audit effectiveness in Malaysia

FRAMEWORK



METHODOLOGY

Quantitative Research

- Principal instrument for establishing empirical correlations - Stockemer, Stockemer & Glaeser (2019)
- In line with any other research being done in this area - Ayalew (2014), Drogalas et al. (2015), Promtong, Phornlaphatrachakorn & Raksong (2018) and Nurebo et al. (2019)

Questionnaire

- 7 sections consisting of 31 questions with Five-Point Likert Scale to measure perceptions through a self-administered:



- Dual-language (English and Malay)

Data Analysis

- Evaluate the hypothesis using SPSS 23 which is a descriptive, reliability and multiple regression analysis.

FINDINGS

- The research have a 49.68 percent response rate.
- Four (4) research hypothesis were established from four (4) variables to determine Tax Audit Effectiveness reflected the results as below:

H₁

Not supported because this factor did not influence the tax audit effectiveness in Malaysia.

H₂

Supported because the result indicated that this factor positively influences the tax audit effectiveness in Malaysia.

H₃

Not supported because the result indicated that this factor did not influence tax audit effectiveness in Malaysia.

H₄

Supported because the result indicated that this factor positively influences tax audit effectiveness in Malaysia.

The Tax Auditor Recommendations by Management, Tax Audit Units Adequacy, Taxpayers' Attitudes, and Integrated Information System significantly impact the variance of tax audit effectiveness. However, only the tax audit unit adequacy and integrated information system positively influence the tax audit effectiveness individually.

1. Tax audit recommendations have no influence on the tax audit effectiveness in Malaysia. This is in line with prior studies that concluded as an individual predictor, top management support does not exhibit significant influence in diminishing the effectiveness of tax audits (Ayalew, 2014; Chale & Mzee, 2018).
2. Adequacy of the tax audit unit influence tax audit effectiveness in Malaysia. This result supported prior research by Chalu & Mzee (2018), which indicated that the tax audit unit's adequacy positively influences the tax audit effectiveness under the tax auditor's category.
3. Taxpayers' attitudes has not been found to influence tax audit effectiveness in Malaysia. As most previous study determine taxpayers' attitudes influence tax audit effectiveness through deterrence theory. But individually, it has not influence positively as mentioned in this study.

4. Integrated information system has a positive influence on tax audit effectiveness in Malaysia. This result supported the research done by Alao (2021), which indicated that the integrated information system adoption in the Kwara State Audit unit had influenced their tax audit effectiveness.

CONCLUSION

- In short, tax audit units and integrated information system implementation influence tax audit effectiveness in Malaysia. Thus, the IRBM should consider these two factors to improve its audit program.
- The number of tax auditors assigned in each unit should match appropriately with the number of cases to ensure that tax audit activities can be carried out effectively.
- An integrated information system must be put in place in order to make the task of tax auditors easier, thus using audit software is equally important.
- Audit software can help reduce human mistake and shorten the time it takes to resolve an audit. Therefore IRBM is recommended to equip its tax auditor with sufficient trainings on how to use the program effectively.


RESEARCH GAP

The following may be considered for future research:


- To include taxpayer's viewpoint on the efficacy of tax audits in future study.
- To increase sample size for a dependable research result.
- To include additional independent factors, such as the business sector, the length of time it takes to resolve a case, the amount derived from audit results, and the degree of taxpayer satisfaction with case settlement.

KEY CONCEPT

DOUBLE TAXATION AVOIDANCE AGREEMENT (DTA/DTAA)



DTAA & DOMESTIC LAW





OP Kosmo

Operasi Pematuhan (OP) Kosmo yang dilancarkan pada 13 Januari 2025 secara rasminya membuka tirai Operasi Pematuhan Cukai Tahun Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) Tahun 2025.

OP Kosmo digerakkan untuk memperkasa strategi pematuhan tahun 2025 melalui aktiviti audit, pungutan, guaman dan pendidikan cukai. Ia adalah kesinambungan kepada kejayaan 10 siri operasi pematuhan yang telah dilaksanakan pada tahun sebelumnya.

Majlis perasmian disempurnakan oleh YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL bertempat di Kompleks Kerajaan Jalan Tuanku Abdul Halim, Kuala Lumpur.

Objektif utama OP Kosmo ini adalah untuk menangani perancangan cukai agresif, risiko pelarian cukai, ketirisan cukai yang dirancang dan pinjaman antara syarikat yang boleh menyebabkan potongan berganda. Ia juga bertujuan meningkatkan kesedaran melalui pendidikan cukai.

Dengan kekuatan 203 pegawai, operasi selama lima hari ini melibatkan 236 kes dan dilaksanakan di sekitar Lembah Klang dan lokasi terpilih di Semenanjung Malaysia. Operasi bersepadu ini dijayakan oleh Cawangan Pembayar Cukai Besar (CPCB), Cawangan Industri Khusus (CIK), Cawangan Cukai Multinasional (CCM) dan Cawangan Guaman Lembah Klang (CGLK), memberi tumpuan ke atas industri perkilangan, pengedaran dan perkhidmatan, insurans, kewangan, hartanah dan pembinaan serta badan amanah dan koperasi.

OP METRO 2.0

OP Metro 2.0 telah dilancarkan pada 17 Februari 2025. Operasi ini bertujuan meningkatkan pemantauan pematuhan cukai secara menyeluruh, merangkumi pendaftaran fail cukai pendapatan, penghantaran borang cukai, pelaporan cukai dan bayaran cukai.

OP Metro 2.0 yang berlangsung lima hari ini merupakan hasil kolaborasi kali ketiga antara HASiL dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), selepas OP Gading di Pahang dan OP Metro 1.0 di Lembah Klang tahun lalu.

Melibatkan 688 pegawai HASiL dan 943 kes, OP Metro 2.0 tertumpu di sekitar Lembah Klang, dengan fokus pada lima aktiviti utama: audit, pungutan, guaman, pematuhan strategik (siasatan) dan operasi verifikasi pembayar cukai.

Operasi bersepadu ini melibatkan Jabatan Pematuhan Cukai, Jabatan Pungutan Hasil, Jabatan Siasatan, Jabatan Perisikan dan Profiling, serta pasukan pelaksana dari HASiL Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Selangor.

Kali ini tumpuan diberikan kepada industri perdagangan dan perkhidmatan yang dikenal pasti berisiko, dengan fokus kepada:

- Syarikat yang melaporkan pendapatan di bawah margin industri;
- Syarikat yang belum pernah diaudit bagi memastikan ketepatan pelaporan;
- Syarikat yang menuntut insentif bagi memastikan pematuhan terhadap garis panduan tuntutan; dan
- Majlis perasmian disempurnakan oleh YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL dan disertai oleh YBrs. Puan Norlela Ismail, Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Perkastaman/Cukai Dalam Negeri), Jabatan Kastam Diraja Malaysia.





OP Dagang

OP Dagang yang dilancarkan 24 Februari 2025 yang lalu menjadi bukti kolaborasi berterusan HASiL dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menangani isu pematuhan percukaian negara.

Operasi pematuhan peringkat nasional 2025 ini berlangsung selama lima hari (24 hingga 28 Februari 2025) dan dilaksanakan secara serentak di seluruh negara.

Melibatkan 1,816 pegawai HASiL dan 2,495 kes di seluruh negara, OP Dagang memberi tumpuan kepada empat aktiviti utama: audit, pematuhan strategik (siasatan), operasi verifikasi pembayar cukai, dan pungutan.

Operasi ini memberi tumpuan kepada lima sektor industri utama: pembinaan, pembuatan, hartanah, pengangkutan dan penyimpanan, serta pertanian dengan fokus kepada risiko berikut:

- Syarikat yang melaporkan pendapatan di bawah margin industri;
- Syarikat yang belum pernah diaudit bagi memastikan ketepatan pelaporan;
- Syarikat yang menuntut insentif untuk memastikan pematuhan kepada garis panduan tuntutan; dan
- Syarikat yang menjalankan transaksi harga pindahan dengan syarikat berkaitan di luar negara bagi memastikan pematuhan kepada prinsip harga selengan.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin Ketua Pegawai Eksekutif HASiL di Menara HASiL Johor Bahru. Turut hadir ialah YBrs. Puan Raja Normala I. Ali, Timbalan Pengarah Kastam Johor, Bahagian Pematuhan, JKDM serta barisan pengurusan Kanan HASiL dan JKDM.

OP Rejang

Buat pertama kali di bumi Kenyalang, **OP Rejang** telah dilancarkan pada 25 April 2025. Operasi selama lima hari ini menyasarkan empat lokasi utama iaitu Kuching, Sibul, Bintulu dan Miri, serta membawa mesej tegas tentang kepatuhan dan integriti yang tidak boleh dikompromi.

Operasi Pematuhan Cukai siri ke-empat bagi tahun 2025 ini merupakan kolaborasi strategik di antara HASiL dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dalam menangani isu pematuhan percukaian negara khususnya bagi aktiviti ekonomi bayangan, penyeludupan minyak diesel, perkhidmatan pembinaan, kontraktor dan peniaga borong.

Melibatkan 276 pegawai HASiL dan 1,168 kes dari pelbagai kategori, pelaksanaannya dizahirkan melalui aktiviti pengesahan status syarikat *dormant* melalui lawatan fizikal, tagging lokasi menggunakan GeoHasil, serta semakan data silang dengan maklumat pendaftaran syarikat di SSM.

Jelasnya, kerjasama strategik antara agensi penguatkuasaan seperti HASiL dan SSM amat penting bagi memastikan tindakan yang lebih bersepadu, berkesan dan menyeluruh. Kolaborasi ini turut memberi impak yang signifikan khususnya melalui aktiviti:

- Verifikasi syarikat yang berstatus *dormant* melalui lawatan bersama dan tagging menggunakan GeoHasil; dan
- Semakan silang data syarikat berdaftar dengan SSM yang masih belum memiliki Nombor Pengenalan Cukai (TIN) dalam rekod HASiL.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin Ketua Pegawai Eksekutif HASiL bertempat di Pejabat HASiL Sibul.

Turut hadir ialah YBrs. Encik Ramli Leen, Pengarah Negeri SSM Sarawak serta barisan pengurusan kanan HASiL dan SSM Sarawak.





OP Tombak

Sebagai kesinambungan usaha memperkukuh pematuhan cukai di Bumi Borneo, **Operasi Pematuhan (OP) Tombak** dilancarkan di negeri Sabah. Operasi ini bukan sekadar pelancaran, tetapi satu isyarat jelas bahawa komitmen HASiL terhadap integriti dan pematuhan di seluruh wilayah Sabah akan terus diperkasa dan diperhebat.

Terkenal dengan jolokan Tawau Bumi Peladang, operasi selama tiga hari ini dilancarkan di sekitar daerah Tawau, menyasarkan industri kelapa sawit, industri perkhidmatan, sektor ekonomi bayangan, industri kontraktor serta sektor lain yang berpotensi dari segi ketidakpatuhan percukaian.

Operasi siri kelima pada tahun ini dijayakan dengan penglibatan 170 pegawai HASiL dari pejabat HASiL dari lokaliti sekitar, termasuk Kota Kinabalu, Sandakan, Keningau dan Labuan.

Operasi melibatkan 1,000 kes yang telah dikenal pasti dengan tumpuan terhadap enam komponen utama iaitu audit cukai dan Potongan Cukai Bulanan (PCB) oleh majikan, pematuhan strategik (siasatan), operasi verifikasi pembayar cukai, pungutan, duti setem dan guaman.

Majlis penutup OP Tombak telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL pada 25 April 2025 bertempat di Pejabat HASiL Tawau. Turut sama meraikan adalah barisan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif dan pengurusan kanan HASiL, sebagai tanda sokongan padu terhadap misi pematuhan yang berterusan.

Kejayaan Operasi Pematuhan Cukai Tahun 2025 ini diharap menjadi pencetus kepada tindakan susulan yang konsisten, terarah dan *data-driven*. Pasti ia menuntut kepada penglibatan aktif semua pihak dalam memperkukuh sistem percukaian negara, ke arah sebuah sistem yang lebih cekap, inklusif dan benar-benar bermanfaat untuk rakyat dan pembangunan negara.

PELEPASAN INDIVIDU


SUAMI/ISTERI/ALIMONI
KEPADA BEKAS ISTERI
RM4,000


INDIVIDU DAN
SAUDARA
TANGGUNGAN
RM9,000


YURAN PENGAJIAN
(SENDIRI)
RM7,000

**POTONGAN
TAMBAHAN**
INDIVIDU
KURANG UPAYA
RM6,000
SUAMI / ISTERI
KURANG UPAYA
RM5,000

I) DI PERINGKAT TERTIARI SELAIN
SARJANA ATAU DOKTOR FALSAFAH
II) PERINGKAT SARJANA ATAU
DOKTOR FALSAFAH
III) KURSUS PENINGKATAN KEMAHIRAN
ATAU KEMAJUAN DIRI
(TERHAD RM2,000)

INSURANS & CARUMAN



SKIM PERSARAAN
SWASTA DAN
ANUITI TERTANGGUH
RM3,000

INSURANS PENDIDIKAN
DAN PERUBATAN
(INDIVIDU, SUAMI, ISTERI
ATAU ANAK)
RM3,000




SSPN
(TABUNGAN BERSIH)
RM8,000

INSURANS NYAWA DAN KWSP
RM7,000

I) PREMIUM INSURANS NYAWA /
CARUMAN KWSP (SUKARELA) /
KEDUA-DUANYA
(TERHAD RM3,000)



II) CARUMAN KWSP
(SUKARELA / WAJIB) /
SKIM YANG DILULUSKAN
(TERHAD RM4,000)



PERKESO /
SISTEM INSURANS
PEKERJAAN
RM350

GAYA HIDUP

GAYA HIDUP
RM2,500

MANFAAT DIRI SENDIRI, PASANGAN
ATAU ANAK

I) PEMBELIAN ATAU LANGGANAN BAHAN BACAAN
II) PEMBELIAN KOMPUTER PERIBADI,
TELEFON PINTAR / TABLET
III) BIL LANGGANAN INTERNET (NAMA SENDIRI)
IV) YURAN KURSUS PENINGKATAN
KEMAHIRAN / KEMAJUAN DIRI



GAYA HIDUP -
PELEPASAN TAMBAHAN
MANFAAT DIRI SENDIRI,
PASANGAN, ATAU ANAK
RM1,000

I) PEMBELIAN PERALATAN SUKAN
II) SEWAAN / FI DI MANA-MANA
FASILITI SUKAN
III) FI PENDAFTARAN PERTANDINGAN
SUKAN
IV) FI KEAHLIAN GIMNASIUM /
LATIHAN SUKAN

PEMASANGAN / SEWAAN / PEMBELIAN / YURAN
LANGGANAN KEMUDAHAN PENGECASAN
KENDERAAN ELEKTRIK BAGI
KENDERAAN SENDIRI
RM2,500



PERUBATAN & KEPERLUAN KHAS



PERBELANJAAN PERUBATAN
RM10,000

(DIRI SENDIRI, PASANGAN
ATAU ANAK)

I) PENYAKIT SERIUS
II) RAWATAN KESUBURAN
(DIRI SENDIRI ATAU PASANGAN)
III) PEMVAKSINAN (TERHAD RM1,000)
IV) PEMERIKSAAN DAN RAWATAN
PERGIGIAN (TERHAD RM1,000)
TERHAD RM1,000 BAGI:
✓ PEMERIKSAAN PERUBATAN
PENUH;
✓ UJIAN PENGESANAN COVID-19; DAN
✓ PEMERIKSAAN KESIHATAN MENTAL /
KONSULTASI
V) DIAGNOSIS / INTERVENSI AWAL /
PULIHAN ANAK UPAYA PEMBELAJARAN
(TERHAD RM4,000)




PERBELANJAAN
UNTUK IBU BAPA
RM8,000

I) PERBELANJAAN RAWATAN PERUBATAN,
RAWATAN PERGIGIAN, KEPERLUAN
KHAS DAN PENJAGA
II) PEMERIKSAAN PERUBATAN PENUH
(TERHAD RM1,000)



PERALATAN SOKONGAN
ASAS OKU
(DIRI SENDIRI, PASANGAN,
ANAK ATAU IBU BAPA)
RM6,000



PELEPASAN ANAK



PELEPASAN TAMBAHAN
ANAK KURANG UPAYA
RM8,000

I) UMUR 18 TAHUN KE ATAS
II) BELUM BERKAHWIN
III) BELAJAR SEPENUH MASA
(DIPLOMA DAN KE ATAS DI
MALAYSIA / IJAZAH DAN
KE ATAS DI LUAR MALAYSIA)



ANAK DI BAWAH
UMUR 18 TAHUN
BELUM BERKAHWIN
RM2,000



ANAK KURANG UPAYA
BELUM BERKAHWIN
RM6,000



ANAK - 18 TAHUN DAN KE ATAS

RM2,000
I) BELUM BERKAHWIN
II) BELAJAR SEPENUH
MASA

RM8,000
I) BELUM BERKAHWIN
II) BELAJAR SEPENUH MASA
(DIPLOMA DAN KE ATAS DI
MALAYSIA / IJAZAH DAN
KE ATAS DI LUAR MALAYSIA)



YURAN TASKA /
TADIKA BERDAFTAR
RM3,000

I) BERUMUR 6 TAHUN DAN KE BAWAH
II) DIBENARKAN TUNTUTAN SAMA ADA
SUAMI ATAU ISTERI



PEMBELIAN PERALATAN
PENYUSUAN
RM1,000

I) PEMBAYAR CUKAI WANITA SAHAJA
II) ANAK BERUMUR KURANG 2 TAHUN
III) POTONGAN SEKALI SETIAP
2 TAHUN TAKSIRAN

Dikemaskini sehingga : 17 Disember 2024

Penafian: Ilustrasi ini hanyalah ringkasan. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.hasil.gov.my



PELAKSANAAN MyInvois

E-INVOIS: SOLUSI DIGITAL MEMUDAHKAN PENGURUSAN CUKAI PMKS

Oleh **Nurul Nadia binti Ahmad Shukri**

Apa Itu e-Invois dan Bagaimana Ia Membantu Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS)?

e-Invois adalah sistem invois digital yang memudahkan urusan perniagaan tanpa perlu menggunakan cara manual. Sistem ini membolehkan pengeluaran, penerimaan dan penyimpanan invois secara digital, menjadikan rekod transaksi lebih tepat, cepat dan mudah diakses. HASiL memastikan sistem ini senang digunakan, mesra pengguna dan disediakan sokongan teknikal yang berterusan jika diperlukan. Malah, e-Invois dapat membantu PMKS menjimatkan kos operasi melalui pengurangan penggunaan kertas dan masa yang diambil untuk menguruskan urusan berkaitan invois. Selain itu, sistem ini turut memudahkan pematuhan cukai tanpa melibatkan prosedur yang rumit atau kos tambahan yang tinggi.

e-Invois Memberi Manfaat Kepada Pembayar Cukai

Pelaksanaan e-Invois membawa pelbagai manfaat kepada pembayar cukai termasuk PMKS. e-Invois memudahkan perniagaan dalam pengurusan dokumen dan laporan kewangan. Sebagai contoh, perniagaan dapat memanfaatkan e-Invois untuk memudahkan pengurusan pinjaman, perancangan kewangan dan pelaporan cukai kepada pihak berkuasa. Ini akan mengurangkan penggunaan dokumen

manual yang berisiko hilang atau rosak akibat bencana seperti kebakaran atau banjir.

Selain itu, e-Invois juga memberi kemudahan kepada pembeli. Jika sebelumnya pembeli terpaksa menyimpan resit manual yang mudah rosak, kini mereka boleh mengakses semula e-Invois melalui portal MyInvois yang disediakan oleh HASiL. Ini akan memudahkan mereka merekodkan perbelanjaan atau untuk tujuan tuntutan pelepasan cukai.

Menyokong Transformasi Digital Negara

e-Invois merupakan teras utama dalam usaha pendigitalan sistem percukaian negara. Dengan data transaksi yang direkod dan disahkan secara automatik, e-Invois mengurangkan ketirisan hasil, mempercepat semakan audit dan meningkatkan ketelusan.

Sehingga **4 Jun 2025**, lebih daripada **RM313.4 juta e-Invois** telah direkodkan melibatkan **33,391 pembayar cukai**, menunjukkan penerimaan positif rakyat Malaysia terhadap sistem ini.

Komitmen HASiL Menyokong PMKS

Bagi memastikan pelaksanaan e-Invois berjalan lancar, HASiL menyediakan pelbagai sokongan kepada pembayar cukai,

terutamanya PMKS yang mungkin berhadapan dengan kekangan. Salah satu inisiatif penting ialah penyediaan sesi taklimat e-Invois yang diadakan secara percuma di seluruh negara, sama ada secara fizikal atau webinar. HASiL juga menyediakan kaunter perkhidmatan e-Invois di pejabat HASiL di setiap negeri untuk membantu pembayar cukai yang menghadapi masalah atau memerlukan maklumat lebih lanjut.

Di samping itu, portal MyInvois dan aplikasi mudah alih MyInvois disediakan secara percuma untuk membolehkan pembayar cukai menguruskan e-Invois dengan mudah. Fungsi terbaru portal ini termasuk carian dokumen yang lebih mudah, pengurusan format paparan visual yang boleh diubah suai, serta notifikasi perubahan dokumen yang disesuaikan dengan keperluan pengguna.

Penjadualan Semula Pelaksanaan e-Invois

Berdasarkan kenyataan media rasmi bertarikh 5 Jun 2025, kerajaan telah menetapkan semula garis masa pelaksanaan e-Invois. Pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan di bawah RM500,000 pula diberi pengecualian daripada pelaksanaan e-Invois buat masa ini. Tempoh kelonggaran selama enam (6) bulan yang telah diperkenalkan sebelum ini turut

terpakai bagi fasa-fasa pelaksanaan baharu. Sepanjang tempoh ini, pembayar cukai dibenarkan untuk mengeluarkan **e-Invois yang disatukan** bagi semua transaksi, dengan kelonggaran seperti berikut:

- Semua aktiviti atau industri dibenarkan mengeluarkan e-Invois yang disatukan, termasuk e-Invois bil sendiri;
- Sebarang maklumat tambahan boleh dimasukkan di ruangan "Keterangan Produk atau Perkhidmatan";
- Jika pembeli meminta e-Invois, penjual masih boleh mengeluarkan e-Invois secara disatukan tanpa perlu mengeluarkan e-Invois secara individu bagi setiap transaksi.

Sepanjang tempoh kelonggaran yang diberikan, pembayar cukai tidak akan dikenakan sebarang tindakan pendakwaan di bawah Seksyen 120 Akta Cukai Pendapatan 1967, asalkan mereka mematuhi syarat-syarat pengeluaran e-Invois secara disatukan seperti yang telah ditetapkan.

Namun begitu, **berkuat kuasa 1 Januari 2026**, pembayar cukai yang terlibat wajib mengeluarkan e-Invois bagi **setiap transaksi jualan barangan atau penyediaan perkhidmatan yang melebihi RM10,000** dan pengeluaran e-Invois secara disatukan tidak lagi dibenarkan.



Pelaksanaan e-Invois secara berfasa bermula 1 Ogos 2024 hingga 1 Julai 2026. Imbas kod QR atau layari www.hasil.gov.my/e-invois untuk info lanjut.

Persediaan Awal: Kunci Kejayaan

HASiL menyarankan agar pembayar cukai, terutamanya PMKS, mempersiapkan diri lebih awal untuk pelaksanaan e-Invois. Ini termasuk

memastikan sistem perekodan dan perniagaan mereka dapat menyokong keperluan e-Invois. Pembayar cukai juga digalakkan untuk mengakses sumber maklumat yang disediakan oleh HASiL, seperti garis panduan, video

tutorial dan sesi taklimat. Semua maklumat ini tersedia di *microsite* e-Invois HASiL, yang boleh diakses oleh semua pembayar cukai.

Pelaksanaan e-Invois merupakan satu langkah positif untuk mempertingkatkan sistem percukaian di Malaysia dan memudahkan urusan perniagaan. Walaupun ada beberapa kekeliruan yang timbul mengenai pelaksanaannya, dengan sokongan yang disediakan oleh HASiL dan persediaan awal daripada pembayar cukai, e-Invois dapat memberikan manfaat yang besar kepada perniagaan di Malaysia. Oleh itu, para pembayar cukai dinasihatkan untuk mengambil langkah awal dalam menyesuaikan diri dengan perubahan ini.

MyInvois e-POS: Solusi Digital Mesra PMKS

MyInvois e-POS ialah platform digital Point-of-Sale (POS) yang direka khas untuk PMKS dengan pendapatan atau jualan tahunan di bawah RM250,000. Ia merupakan penyelesaian lengkap yang menggabungkan sistem jualan elektronik dengan keupayaan menjana dan menghantar e-Invois secara langsung ke sistem MyInvois HASiL.

Melalui sistem ini, peniaga boleh melaksanakan urusan jual beli dengan lebih mudah, cepat dan patuh kepada keperluan percukaian digital. Pada masa yang sama, ia membantu meningkatkan ketelusan dan kecekapan dalam pengurusan rekod perniagaan.

Dilengkapi dengan fungsi seperti pengurusan jualan, perakaunan, inventori dan pelaporan kewangan, MyInvois e-POS membolehkan penjual mengeluarkan e-Invois secara serta-merta semasa transaksi berlangsung atau memberikan pilihan kepada pembeli untuk memintanya selepas transaksi selesai.



Dengan pelbagai ciri yang ditawarkan, sistem ini bukan sahaja memudahkan pematuhan cukai bagi PMKS, malah turut menyokong usaha memperkukuh ekosistem perniagaan digital dan menjayakan pelaksanaan inisiatif e-Invois di Malaysia.

Nasihat HASiL kepada PMKS

e-Invois bukanlah beban, malah satu peluang ke arah pengurusan perniagaan dan pematuhan cukai yang lebih cekap. Dengan sistem yang tersusun, risiko penalti dapat dielakkan dan PMKS dapat beroperasi secara lebih profesional serta kompetitif.

Jangan tunggu sehingga saat akhir. Mulakan langkah awal hari ini untuk memanfaatkan sepenuhnya kemudahan e-Invois.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

- Meja Bantuan e-Invois: 03-8682 8000 (24 jam)
- MyInvois Live Chat
- E-mel: myinvois@hasil.gov.my
- Borang Maklum Balas: <https://feedback.myinvois.hasil.gov.my/>

SEKATAN PERJALANAN

**ADAKAH ANDA SUDAH
MEMBUAT SEMAKAN?**

**ELAKKAN CUKAI TERTUNGGAH
DAN BUATLAH SEMAKAN
SEBELUM KE LUAR NEGARA**



**IMBAS UNTUK
SEMAKAN**



Rekod Baharu Terus Dicipta, HASiL Terus Gemilang Di Persada

Tahun 2024 menyaksikan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) mencipta sejarah baharu dengan rekod kutipan cukai langsung tertinggi negara berjumlah RM184.805 bilion.

Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM1.465 bilion atau 0.80% berbanding tahun 2023, mencerminkan daya usaha dan komitmen berterusan seluruh Keluarga HASiL ke arah meningkatkan kecekapan pentadbiran cukai negara dan pematuhan dalam kalangan pembayar cukai.

Pencapaian kutipan cukai langsung bagi tahun 2024 didorong oleh beberapa komponen utama, dengan Cukai Syarikat menjadi penyumbang terbesar sebanyak 53.36% atau RM98.620 bilion. Ini diikuti oleh Cukai Individu yang menyumbang 25.42% atau RM46.970 bilion, serta Cukai Petroleum sebanyak 11.27% atau RM20.833 bilion.

Selain itu, Duti Setem mencatatkan kutipan sebanyak RM10.448 bilion atau 5.65%, manakala Cukai Pegangan menyumbang 2.31% atau RM4.262 bilion. Cukai Keuntungan Harta Tanah pula merekodkan kutipan sebanyak RM2.499 bilion atau 1.35%. Selebihnya, lain-lain komponen cukai langsung menyumbang 0.64% atau RM1.173 bilion kepada jumlah keseluruhan kutipan cukai langsung tahun 2024.

Kutipan Cukai Syarikat mengikut industri pula menunjukkan sektor perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar dengan 65.51% daripada jumlah keseluruhan. Sektor pembuatan turut mencatatkan sumbangan yang signifikan sebanyak 20.45%, diikuti oleh sektor pembinaan dengan 9.39%. Sektor pertanian, perhutanan, dan perikanan menyumbang 3.57%, manakala sektor perlombongan dan pengkuarian menyumbang 1.08%.

Prestasi Cukai Syarikat ini mencerminkan pertumbuhan positif dalam pelbagai sektor ekonomi negara, sejajar dengan laporan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) oleh Jabatan Perangkaan Malaysia yang menunjukkan perkembangan ekonomi yang mampan sepanjang tahun 2024.

Bagi kutipan Cukai Individu, sumbangan terbesar adalah daripada individu berpendapatan penggajian, yang menyumbang sebanyak 74.67% daripada jumlah keseluruhan kutipan. Individu berpendapatan perniagaan pula menyumbang sebanyak 24.51%, manakala sumbangan daripada kategori lain-lain mencatatkan peratusan yang lebih kecil iaitu 0.82%.

Penyusunan kutipan ini menggambarkan kepentingan sumbangan sektor pekerjaan dan perniagaan kepada hasil negara. Dalam masa yang sama, ia menjadi petanda kepada kecenderungan aliran pendapatan yang semakin berkembang.

Pada tahun 2024, sebanyak lima industri utama diberikan fokus dalam aktiviti pematuhan strategik, iaitu pembinaan, perdagangan borong dan runcit, pembuatan, aktiviti kewangan dan hartanah. Sebanyak 492 kes pematuhan strategik yang berkaitan dengan industri-industri utama ini telah berjaya diselesaikan.

Selain itu, dalam aktiviti audit, perhatian telah diberikan kepada industri perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal, pembinaan, pembuatan, aktiviti kewangan dan insurans/takaful, serta aktiviti

profesional, saintifik dan teknikal. Sebanyak 139,656 kes audit yang berkaitan dengan industri utama ini telah diselesaikan.

Secara keseluruhannya, HASiL telah berjaya menyelesaikan sebanyak 2.406 juta kes melibatkan pematuhan strategik, audit dan aktiviti pematuhan lain sepanjang tahun 2024. Pencapaian ini mencerminkan komitmen tinggi HASiL dalam memperkukuh tahap kepatuhan cukai dalam kalangan pembayar cukai.

Berdasarkan pencapaian ini, Kementerian Kewangan telah menetapkan sasaran kutipan cukai langsung tahun 2025 sebanyak RM200.799 bilion, peningkatan sebanyak 8.65% berbanding tahun sebelumnya.

Sasaran ini bukan sahaja mencerminkan keyakinan pemegang taruh terhadap prospek ekonomi, tetapi juga menggambarkan komitmen kerajaan dalam memastikan kelangsungan pembangunan dan kesejahteraan negara.

Dengan hala tuju percukaian yang jelas dan sokongan padu semua pihak, negara berada pada landasan kukuh untuk terus memacu ekonomi, meningkatkan kesejahteraan masyarakat dan mencapai kemakmuran bersama.



MAJLIS SAMBUTAN
HARI HASIL
KE-29

RISE **BEYOND** LIMITS

DIRASMIKAN OLEH

YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN

10 MAC 2025 [ISNIN]

DEWAN BANGSAWAN, MENARA HASIL CYBERJAYA



Pengiktirafan YAB Dato' Sri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia ke Atas Pencapaian HASiL Tahun 2024

Bersempena dengan Majlis Perasmian Sambutan Hari HASiL Ke-29 pada 10 Mac 2025 yang lalu, YAB Dato' Sri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia, telah menyampaikan penghargaan dan pengiktirafan tertinggi terhadap pencapaian HASiL, khususnya bagi kejayaan rekod kutipan cukai langsung tahun 2024.

Beliau yakin pencapaian ini merupakan hasil daripada usaha, tekad dan iltizam seluruh Keluarga HASiL dalam memastikan pentadbiran sistem percukaian negara terus efisien dan efektif, di bawah tadbir urus dan tatakelola yang cemerlang.

Beliau turut bangga kerana HASiL terus dinamik mengatasi pelbagai halangan dan rintangan, mencipta kejayaan demi kejayaan. Dalam masa yang sama HASiL sentiasa memastikan setiap proses dan tindakan yang dilaksanakan memenuhi piawaian integriti yang tinggi, sekaligus memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap sistem percukaian negara.

Lebih membanggakan, pencapaian ini didasari oleh pendirian dan prinsip pengurusan tatakelola dan nilai integriti yang tinggi, yang terus disemai agar ia menyuburi teras dan budaya dalam setiap tindakan HASiL.

Pengiktirafan dan penghargaan yang dizahirkan secara langsung ini tentunya terhasil daripada

dedikasi dan komitmen seluruh Keluarga HASiL yang telah memberikan daya usaha dan kesungguhan melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab dan profesionalisme.

Antara petikan ucapan YAB Dato' Sri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia dalam majlis perasmian tersebut adalah:

- "Oleh itu, kita catat satu kejayaan melonjak pendapatan hasil negara yang kita lihat umpamanya peningkatan sebanyak RM1.465 bilion ketimbang tempoh yang sama 2023 dengan kutipan secara keseluruhan sebanyak RM184.805 bilion."
- "Saya ucap setinggi-tinggi penghargaan kepada keluarga HASiL kerana inilah mungkin julung-julung kali di mana tokoh-tokoh korporat utama tanpa kecuali semuanya diminta memenuhi tanggungjawab mereka membayar hasil. Ini menunjukkan integriti yang ada pada Lembaga Hasil Dalam Negeri negara kita."
- "Saya tegaskan semula betapa syukur ke hadrat Allah SWT dan bertuah kerana negara ini dapat mempertahankan integriti dalam satu lembaga utama negara kita iaitu HASiL atau Lembaga Hasil Dalam Negeri. Terima kasih."

Semoga pengiktirafan ini terus menjadi lonjakan semangat dan inspirasi buat seluruh Keluarga HASiL untuk terus maju dengan tekad yang lebih kuat, mencabar diri mencapai kecemerlangan baharu dan memberi impak yang lebih besar kepada kejayaan organisasi di masa hadapan.

Tahniah

YBrs. Encik Ahmad Khairuddin Bin Abdullah

Atas Pelantikan Sebagai

TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

(INDUSTRI KHAS)

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

1 MAC 2025

Ikhlas Daripada : Pengurusan Atasan HASIL



Tahniah

**YBrs. Encik Marside@Marsidi
Bin Julika@Zelika**

Atas Kenaikan Pangkat Ke Jawatan

KETUA PEGAWAI OPERASI CUKAI

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

1 MAC 2025

Ikhlas Daripada : Pengurusan Atasan HASIL





Tahniah

YBrs. Encik Mohamad Fauzi Bin Saat

Atas Kenaikan Pangkat Ke Jawatan

KETUA PEGAWAI PEMATUHAN CUKAI

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

1 MAC 2025

Ikhlas Daripada : Pengurusan Atasan HASiL



Tahniah

YBrs. Puan Rosnita Binti Ahmad

Atas Kenaikan Pangkat Ke Jawatan

KETUA PEGAWAI DASAR PERCUKAIAN

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

1 MAC 2025

Ikhlas Daripada : Pengurusan Atasan HASiL



HASIL PLATINUM AWARDS 2025

Tahniah



**YBRS. PUAN NORFAIDAH
BINTI DAUD**

TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (DASAR)
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

HASIL PLATINUM AWARDS 2025

**ANUGERAH PLATINUM
JASA BAKTI**

21 FEBRUARI 2025

M RESORT & HOTEL, KUALA LUMPUR

SENARAI MOST OUTSTANDING HASILIAN

KATEGORI	PENERIMA	SEKTOR/JABATAN/NEGERI
PENGURUSAN	DR. RASYIDAH BINTI CHE ROSLI	Sektor Operasi Cukai
EKSEKUTIF	TS. DR. RAJA AZHAN SYAH BIN RAJA WAHAB	Akademi Percukaian Malaysia
	SHARIFAH HAKIMAH BINTI SYED ABU BAKAR	Jabatan Khidmat Korporat
BUKAN EKSEKUTIF	EDDY BIN MANSOR	LHDNM Perak
	IZZAT EMIR BIN IBRAHIM	LHDNM Perlis

SENARAI PENERIMA ANUGERAH PEMBAYAR CUKAI TERBAIK 2024

NAMA SYARIKAT	INDUSTRI
OCBC BANK (MALAYSIA) BHD	Aktiviti Kewangan Dan Insurans/Takaful
BANK PEMBANGUNAN MALAYSIA BERHAD	Aktiviti Kewangan Dan Insurans/Takaful
RHB ISLAMIC BANK BERHAD	Aktiviti Kewangan Dan Insurans/Takaful
BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD	Aktiviti Kewangan Dan Insurans/Takaful
PELANGI SDN BHD	Aktiviti Hartanah
FUTURE GOLDEN DEVELOPMENT SDN BHD	Pembinaan
R & F DEVELOPMENT SDN BHD	Aktiviti Hartanah
PETRONAS LNG SDN BHD	Aktiviti Profesional, Saintifik Dan Teknikal
GRABCAR SDN BHD	Maklumat Dan Komunikasi
RENESAS ELECTRONICS (PENANG) SDN BHD	Pembuatan



E-PCB PLUS

e-PCB Plus merupakan satu inisiatif yang mengintegrasikan tiga sistem perkhidmatan berkaitan Potongan Cukai Berjadual (PCB) iaitu e-Data PCB, e-PCB dan e-CP39 ke dalam satu platform yang lebih mesra pengguna menerusi portal MyTax. Platform ini dibangunkan untuk memudahkan majikan dalam menguruskan pemfailan dan pembayaran PCB pekerja mereka dengan lebih cekap dan teratur.

Majikan/pengguna perlu membuat pendaftaran peranan di MyTax atas Fail E (Majikan) dengan peranan berikut bagi mendapatkan akses e-PCB Plus :

- Majikan - lantikan peranan di MyTax
- Wakil Majikan - lantikan peranan di MyTax
- Pentadbir PCB - lantikan peranan di MyTax
- Wakil Pentadbir - lantikan peranan di e-PCB Plus

Pilihan Fungsi Perkhidmatan Di Dalam e-PCB Plus (Masih Mengekalkan Nama Perkhidmatan Yang Sama)

e-PCB

Aplikasi ini disediakan kepada majikan yang tidak menggunakan sistem penggajian berkomputer untuk membuat pengiraan, pengemukaan, bayaran dan menyemak PCB sama seperti fungsi Sistem Penggajian.

Pengiraan PCB menggunakan aplikasi ini adalah mengambil kira potongan wajib dan potongan pilihan dengan menggunakan kaedah pengiraan kalkulator PCB.

e-Data PCB

Aplikasi untuk majikan yang menggunakan sistem penggajian berkomputer bagi menghantar data PCB pekerja menggunakan format txt file / zip file dan membayar PCB secara dalam talian.

e-CP39

Aplikasi ini disediakan kepada majikan untuk membuat pengiraan, pengemukaan dan bayaran PCB pekerja secara dalam talian bagi menggantikan borang CP39 manual. Aplikasi ini dibangunkan khusus untuk majikan yang tidak menggunakan sistem penggajian berkomputer. Pengiraan PCB menggunakan aplikasi ini adalah mengambil kira potongan wajib sahaja berdasarkan kaedah pengiraan e-Jadual PCB. Kemasukan amaun PCB dan amaun CP38 juga boleh boleh diisi secara manual.

Perasmian sistem e-PCB Plus telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia di Majlis Sambutan Hari HASiL Ke-29 pada 12 Mac 2025 yang lalu.

e-PELARIAN CUKAI

e-PC MEMUDAHKAN ORANG AWAM UNTUK SAMA-SAMA MEMBANTERAS **PELARIAN CUKAI** MENERUSI PENYALURAN MAKLUMAT YANG LEBIH SISTEMATIK DAN BERSTRUKTUR



JAMINAN KERAHSIAAN

Maklumat dan identiti pengadu adalah **RAHSIA** dan **SULIT** berdasarkan peruntukan kerahsiaan

KATEGORI ADUAN PELARIAN CUKAI

MELIBATKAN **INDIVIDU** ATAU **SYARIKAT** YANG DIKETAHUI MEMPUNYAI

- **JUALAN TERKURANG LAPOR** ATAU **TIDAK LAPOR**
- **BELIAN TERLEBIH TUNTUT** ATAU **PALSU**
- **PERBELANJAAN PALSU, TERLEBIH TUNTUT** ATAU **PERSENDIRIAN**
- **ASET** ATAU **HARTANAH YANG TINGGI**
- **TIDAK MENGHANTAR BORANG NYATA CUKAI PENDAPATAN** ATAU **TIDAK PATUH**
- **EJEN CUKAI TIDAK BERLESEN**

LAYARI <https://epelariancukai.hasil.gov.my> ATAU IMBAS KOD QR INI





GARIS MASA PELAKSANAAN E-INVOIS TERKINI (DIKEMAS KINI PADA 5 JUN 2025)

FASA	SASARAN PEMBAYAR CUKAI	TARIKH PELAKSANAAN
1.	Pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan melebihi RM100 juta	1 Ogos 2024
2.	Pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan melebihi RM25 juta dan sehingga RM100 juta	1 Januari 2025
3.	Pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan melebihi RM5 juta dan sehingga RM25 juta	1 Julai 2025
4.	Pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan melebihi RM1 juta dan sehingga RM5 juta	1 Januari 2026
5.	Pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan sehingga RM1 juta	1 Julai 2026

NOTA:

Pembayar cukai adalah layak menikmati tempoh kelonggaran interim selama enam (6) bulan dari tarikh pelaksanaan mandatori bagi setiap fasa pelaksanaan

Maklumat dan bantuan lanjut berkaitan pelaksanaan e-Invois dan Portal MyInvois:



www.hasil.gov.my/e-invois



03-8682 8000 (Talian 24 jam)



www.hasil.gov.my



@myinvoishasil



@myinvoishasil



@myinvoishasil



@myinvoishasil



MyInvois

5 LANGKAH UTAMA UNTUK MENGEMUKAKAN E-INVOIS

MELALUI PORTAL MYINVOIS

1 Log masuk Portal MyInvois melalui Portal MyTax

 <https://mytax.hasil.gov.my>

Selepas pengaktifan MyTax kali pertama, hantar permohonan peranan seperti berikut:

Peranan **Pengarah Syarikat / Pentadbir Organisasi** - bagi semua kategori pembayar cukai selain milikan tunggal.
Peranan **Pemilik Perniagaan** - bagi milikan tunggal sahaja.

2 Akses Portal MyInvois dan lengkapkan maklumat profil

Lengkapkan maklumat profil pembayar cukai dan pengguna serta tetapan 'permission' bagi wakil yang dilantik.

1

5

5 Semak dokumen perniagaan secara digital pada bila-bila masa dan di mana jua

Semua e-Invois yang dihantar dan diterima akan disimpan di Portal MyInvois. Mudah dan selamat.

4

4 Kongsi paparan visual e-Invois kepada pembeli

Setelah dokumen disahkan, paparan visual e-Invois boleh dimuat turun atau dicetak dari Portal MyInvois untuk dikongsi kepada pembeli.

2

3

3 Lengkapkan maklumat transaksi bagi pengemukaan e-Invois

- Pilih jenis dokumen e-Invois yang hendak dikemukakan.
- Lengkapkan maklumat Penjual dan Pembeli, maklumat transaksi barangan / perkhidmatan yang terlibat dan maklumat lain (jika ada).
- Hantar dan tandatangan secara digital sekiranya telah lengkap.

Maklumat dan bantuan lanjut berkaitan pelaksanaan e-Invois dan Portal MyInvois:

 www.hasil.gov.my/e-invois

 **03-8682 8000** (Talian 24 jam)



www.hasil.gov.my



@myinvoishasil



@myinvoishasil



@myinvoishasil



@myinvoishasil

Panduan Pengguna Aplikasi

STAMPS



**PANDUAN PENYETEMAN
DOKUMEN PERIBADI DI KAUNTER
[PENDAFTARAN ID INDIVIDU YANG
TIADA NO CUKAI PENDAPATAN]**



**POSTER PENDAFTARAN ID
PENGGUNA STAMPS [INDIVIDU]**



**POSTER BAYARAN DALAM TALIAN
MELALUI FPX [BYRHASIL]**



**PERMOHONAN PENYETEMAN
PANDUAN UNTUK PELAJAR**



**PANDUAN PEMBAYARAN DUTI SETEM
MELALUI CIMB BIZ CHANNEL
[BILL PAYMENTS]**



**PANDUAN PENYETEMAN
DOKUMEN PERIBADI DI KAUNTER
[PERMOHONAN PENYETEMAN : SEKURITI]**



**PERMOHONAN PENYETEMAN
SEWA / PAJAKAN**



**PANDUAN BAYARAN DALAM TALIAN &
CETAKAN SIJIL SETEM**



**PENDAFTARAN ID PENGGUNA STAMPS
[INDIVIDU]**



**POSTER CETAKAN
SIJIL SETEM**



**BAYARAN CUKAI
PENDAPATAN INDIVIDU**
INCOME TAX PAYMENT FOR
INDIVIDUAL



**BAYARAN CUKAI
PENDAPATAN SYARIKAT**
INCOME TAX PAYMENT FOR
COMPANY



**BAYARAN CUKAI
PENDAPATAN MAJIKAN**
INCOME TAX PAYMENT FOR
EMPLOYER



**PENGENALAN CUKAI
PENDAPATAN INDIVIDU**
INTRODUCTION INDIVIDUAL
INCOME TAX



EduZone
EduZone



EKONOMI DIGITAL
DIGITAL ECONOMY



**PENAMATAN
PERKHIDMATAN**
TERMINATION OF SERVICE



DUTI SETEM
STAMP DUTY



e-Daftar
e-Daftar



**TANGGUNGJAWAB
MAJIKAN**
RESPONSIBILITY OF EMPLOYER



**CUKAI KEUNTUNGAN
HARTA TANAH**
REAL PROPERTY GAINS TAX



CUKAI SYARIKAT
CORPORATE TAX



CUKAI KOPERASI
COOPERATIVE TAX



SEKATAN PERJALANAN
STOPPAGE ORDER



SISTEM e-CP39
e-CP39 SYSTEM



DERMA/ HADIAH
DONATIONS/ GIFTS



MyTax
MyTax



e-Invois
e-Invoice



STAMPS
STAMPS



e-Perkhidmatan
e-Services

**SCAN
ME!**

www.hasil.gov.my



Physical Space to Digital Space



HASiLMalaysia



@HASiL_Malaysia



hasil_malaysia



www.hasil.gov.my



@hasil_malaysia



(603) 8911 1000

HASiL

EDISI 01/2025

IKUTI KAMI DI

